

15/04/2003

Persiapan Melaka Maju 2010

Daud Awang; Hasnira Hassan

PELBAGAI projek pembangunan sedang dan akan dilaksanakan di seluruh negeri sebagai persiapan Melaka Maju 2010.

Pembinaan projek mengikut Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) dan projek pre-emptive sudah tentu akan membantu pertumbuhan ekonomi dan menambah kesejahteraan rakyat.

Pelbagai perancangan teliti dan komprehensif dicetuskan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam bagi memastikan Melaka terus membangun menjelang 2010 sebelum Wawasan 2020 yang dicetuskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bermula.

Selaras dengan naik taraf, Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB) sebagai Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), projek mega yang sedang dilaksanakan itu pastinya memberi kesan besar kepada warga Bandaraya khususnya dan rakyat Melaka amnya.

Antara projek mega terbabit ialah pembesaran jalan Simpang Empat-Alor Gajah-Muar sepanjang 70 kilometer membabitkan kos RM505 juta, pembinaan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) bernilai RM500 juta, pembinaan Empangan Jus, Loji Gadek dan Loji Lancang bernilai RM424.7 juta dan pembinaan Lebuhraya Durian Tunggal-Paya Rumpit-Sungai Udang sepanjang 20.8 kilometer bernilai RM205.6 juta.

Projek lain ialah pengindahan Sungai Melaka berharga RM91.2 juta yang sudah tentu akan mengimbas kembali kegemilangan Melaka sebagai 'Venice of the East' seperti yang pernah digelar oleh Tome' Pires dalam Suma Orientalnya.

Pembinaan Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) dengan kos RM61.7 juta akan menjadi salah satu mercu tanda di negeri ini menjelang 2010.

Semua projek pembangunan ini tidak mungkin menjadi kenyataan tanpa sokongan dan komitmen kontraktor berwibawa termasuk Pesona Metro Sdn Bhd, Pembinaan Kaleigh Sdn Bhd, HCM Engineering Sdn Bhd, Kumpulan Jaymuda Sdn Bhd, Pembinaan Pajar Tuah Sdn Bhd, Dataran Pesta Sdn Bhd, Nada Cekal Sdn Bhd dan Konsortium Norlela Construction Sdn Bhd.

Semua pembangunan projek mega kini berjalan lancar dan dijangka dapat disiapkan mengikut jadual hasil pemantauan yang teliti oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM).

Sektor swasta diharap terus memainkan peranan lebih besar menjana pertumbuhan ekonomi Melaka dengan memilih negeri ini sebagai destinasi pelaburan sama ada pelaburan baru atau pembesaran syarikat sedia ada.